



**IKLAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebuah Universiti Awam (UA) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti mempelawa calon-calon berkeelayakan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Gred Utama C (VU7):

1. Jawatan : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
2. Gred : Gred Utama C (VU7)
3. Taraf Lantikan : Pertukaran Sementara/Peminjaman/Kontrak
4. Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)
5. Kelayakan : Tawaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - 5.1 sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Pensyarah Universiti/Perubatan/Pergigian Gred Khas C dengan gelaran Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf serta berpengalaman memimpin dan mengendalikan perihal penyelidikan dan inovasi;
  - 5.2 telah menjalani Program Penilaian Bakat Kepimpinan Pendidikan Tinggi yang dikendalikan oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) sebelum permohonan dikemukakan; dan
  - 5.3 telah menjalani saringan penilaian bakat oleh USIM (pemohon akan dihubungi jika belum pernah mengikuti saringan ini).
6. Kriteria Umum : Kriteria umum berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam adalah seperti berikut :
  - 6.1 **Kecemerlangan Akademik**  
Penyandang mestilah mempunyai kelayakan Ph.D, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit

antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

#### **6.2 Pengiktirafan Antarabangsa**

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

#### **6.3 Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik, ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

#### **6.4 Reputasi**

Penyandang mestilah menampilkan diri sebagai "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

#### **6.5 Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

#### **6.6 Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* Universiti.**

7. Kriteria Khusus : Kriteria khusus berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam adalah seperti berikut :

#### **7.1 Pengalaman Membida Projek Penyelidikan dengan Jaya;** Ini merupakan tugas hakiki Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik

Utama (PI) tetapi menjadi peneraju Universiti Awam masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.

**7.2 Mahir Mensistesis Instrumen Komitmen Penyelidikan;** Petunjuk Prestasi (KPI) Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) utama adalah meneraju penyelidikan di Universiti Awam masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat Institut, *Centre of Excellence* (CoE) atau Fakulti.

**7.3 Mempunyai Jaringan Hubungan yang Luas;** Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta penyandang juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.

**7.4 Berkemampuan dalam Menguruskan Aktiviti Berkaitan Harta Intelek;** Penyandang mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada Universiti melalui perlesenan dan pengkomersialan.

**7.5 Cemerlang dalam Penyelidikan, Penerbitan dan Urusan Pengkomersialan;** Penyandang mestilah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit agar penyandang mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.

**7.6 Berpengalaman sebagai Penyelia yang Berjaya;** Penyandang mestilah mempunyai rekod yang

cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana dan Ph.D) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana penyandang bertanggungjawab menentukan hala tuju penyelidikan Universiti dan menerapkan *research culture* dalam kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

8. Kriteria Tambahan : Keutamaan kepada calon-calon yang memiliki kriteria-kriteria tambahan seperti berikut:

- 8.1 memiliki pengetahuan yang mendalam tentang falsafah Pendidikan Islam;
- 8.2 memahami konsep dan pelaksanaan Pendidikan Islam dalam masyarakat majmuk; dan
- 8.3 memiliki komitmen untuk melaksanakan epistimologi Islam dalam pendidikan tinggi.

## 9. CARA MEMOHON

Permohonan bagi jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Gred Utama C (VU7) perlulah dikemukakan secara rasmi berserta dokumen-dokumen seperti yang berikut:

- i) Surat Permohonan Rasmi;
  - ii) Ringkasan *Curriculum Vitae* (CV) sebagaimana **Lampiran 1**;  
(CV lengkap yang merangkumi latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan dan kerjaya, markah penilaian prestasi tahunan, pencapaian penerbitan, bidang kepakaran dan tujahan dan sumbangan-sumbangan besar kepada pembangunan Universiti dan Negara perlu disertakan bersama)
  - iii) Kertas cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek serta jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM;
  - iv) Laporan Tapisan Keselamatan Kasar daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (calon dari luar USIM sahaja)
  - v) Sekeping gambar terkini berukuran pasport (Rujuk **Lampiran 1**);
  - vi) Salinan sijil;
  - vii) Dokumen-dokumen sokongan yang lain; dan
  - viii) Sokongan Ketua Jabatan.
10. Calon-calon yang berkecualan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek dan dipanggil temuduga.

11. Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**Puan Siti Noor Izyani Zalilah Sulaiman**

Ketua Bahagian

Bahagian Governan dan Pentadbiran

Jabatan Pendaftar

Universiti Sains Islam Malaysia

No. Tel: 06-798 8123

E-mel : [izyani@usim.edu.my](mailto:izyani@usim.edu.my)

12. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada :

**PENDAFTAR**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

**Aras 2, Bangunan Canselori**

**Bandar Baru Nilai**

**71800 Nilai**

**Negeri Sembilan Darul Khusus**

**Tel : 06-7988123/8122/6021**

**E-mel : [pendaftar@usim.edu.my](mailto:pendaftar@usim.edu.my)**

13. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN:**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **25 Jun 2025 (Rabu)**.